

Harimau Malaya usah dipinggir

BH - 21/8/200

8 veteran Force 136 bersemangat rai merdeka

Oleh Muzdalifah Mohd Mustafa

KUALA LUMPUR: Veteran Pasukan Harimau Malaya, Wan Nik Wan Ngah, 81, (**gambar**) mengharapkan kemerdekaan tahun ini dapat disambut bersama tujuh lagi bekas anggota pasukan itu yang dipercayai masih hidup.

Wan Nik yang juga Timbalan Pengurus Bekas Harimau Malaya mahu sambutan kemerdekaan kali ini menjadi kenangan baginya, selepas 61 tahun pasukan berkenaan dibubarkan.

Pasukan Harimau Malaya atau lebih dikenali sebagai Force 136, adalah pasukan yang ditubuhkan British untuk menentang penjajahan Jepun.

Beliau yang juga dikenali sebagai Bapa Pasukan Harimau Malaya berkata, walaupun Harimau Malaya berfungsi selama setahun iaitu daripada

“*Cukup sekadar mewakili pejuang yang sudah tiada untuk menyeru bekas Harimau Malaya untuk berkumpul bagi sama-sama menyambut kemerdekaan tahun ini*”

Disember 1944 sehingga Disember 1945, jasanya bermakna dalam menentang penjajahan Jepun.

“Tidak banyak yang saya minta, cukup sekadar mewakili pejuang yang sudah tiada untuk menyeru bekas Harimau Malaya untuk berkumpul bagi sama-sama menyambut kemerdekaan tahun ini,” katanya di sini.

Difahamkan, hanya tujuh daripada bekas pasukan itu masih hidup dan menetap di Perak, Kelantan, Pahang, Kedah dan Kuala Lumpur.

“Sekiranya ada antara bekas pe-
rajurit yang mengenali saya bolehlah menghubungi talian 016-5676985, atau datang ke Rumah Rehat Grik di Perak,” katanya yang berharap dapat menyambut kemerdekaan kali ini bersama Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak.

Wan Nik Wan Ngah
Veteran Pasukan Harimau Malaya